

DARULNAIM

EKSPLORASI EMAS ALLUVIAL,
PENGALAMAN BERMAIN TANAH
BERSAMA KELSTONE

ISSN 1311-6891 | MUHARAM 1446H | 14-18 JULI 2024

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

105 KETUA MASYARAKAT
ORANG ASLI TERIMA ELAUN

BERBANGGALAH MENJADI
ANSARULLAH

225 PELAJAR KELANTAN TERIMA
SUMBANGAN DERMASISWA
BERNILAI RM500

2.07 TAN ABU AL-QURAN DIMULIAKAN DI PERAIRAN KUALA BESAR

Oleh: Saliemin Khesa Ahmad

KOTA BHARU, 15 Julai - Sebanyak 2.07 tan abu al-Quran dilupuskan pada program Pemuliaan Abu Al-Quran Bersama Penenggelaman Vessel Lucut Hak Maritim Negeri Kelantan pada jarak melampaui lima batu nautika di perairan Kuala Besar, hari ini.

Program pemuliaan abu al-Quran kali ini melibatkan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Negeri Kelantan, Kementerian Dalam Negeri.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud, tujuan memuliakan abu



al-Quran itu adalah untuk memelihara kesucian al-Quran dengan sebaik-baiknya mengikut kaedah yang sepatutnya.

Katanya, langkah yang digunakan perlu mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan syarak sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jemaah Ulama' MAIK pada Disember 2006, iaitu debu al-Quran yang telah dibakar hendaklah ditanam atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir.

"Kita menerima permohonan

untuk bakar al-Quran yang sudah lama sangat banyak. Jadi pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah muliakan atau menenggelamkan keseluruhannya sebanyak 77 tan sejak tahun 2015 iaitu selepas banjir besar.

"Setakat ini memang kita ambil pendekatan untuk memuliakan abu al-Quran ini dengan menenggelamkannya ke dalam laut bersama dengan tiga vessel hak lucut Maritim (kapal nelayan Vietnam) yang berjaya dirampas oleh Marit-

langkah yang digunakan perlu mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan syarak sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Jemaah Ulama' MAIK pada Disember 2006, iaitu debu al-Quran yang telah dibakar hendaklah ditanam atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir."

im Malaysia," katanya.

Jelasnya, penenggelaman tiga vessel itu juga berpotensi menjadi tukun tiruan kepada kehidupan laut sekaligus membantu meningkatkan perikanan terutamanya di kawasan sekitar pesisir pantai Kuala Besar.

Tambahnya, ia juga dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat khususnya para nelayan mendapatkan punca atau hasil baharu bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari.



105 KETUA MASYARAKAT ORANG ASLI TERIMA ELAUN

Oleh: Che Maziah Mat

GUA MUSANG, 16 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan keprihatinan, kebajikan dengan keperluan masyarakat orang asli menerusi pengagihan elaun kepada 105 ketua masyarakatnya.

Menteri Besar, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, sumbangan yang diberikan ini sebagai tanda menghargai bakti mereka yang memainkan peranan dalam menjadi penghubung di antara masyarakat orang asli dengan kerajaan negeri.

“Kerajaan Negeri sentiasa menjaga kebajikan dan berlaku adil kepada semua rakyat kerana semua orang adalah sama dan kita adalah bersaudara, sebab itulah kita mel-



antik penghulu dan pemimpin daripada kalangan masyarakat orang asli.

“Kita bagi mereka elaun untuk memastikan agar kebajikan masyarakat orang asli ini terjaga, malah hubungan dua hala dengan kerajaan negeri juga berterusan pada

masa sama menjadi penghubung dengan kerajaan,” katanya pada Majlis Pengagihan Elaun Ketua Masyarakat Orang Asli di Masjid Mukim Meranto pada Jumaat.

Sepertimana rutin hari Jumaat, Dato' Nassuruddin turut menyampaikan khutbah Jumaat dan be-

ramah mesra dengan jemaah dan ahli qariah di situ.

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menitik berat kebajikan masyarakat orang asli dan berharap usaha ini dapat membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih baik.

1,086 PELAJAR CEMERLANG KELANTAN TERIMA ANUGERAH INSENTIF



Oleh: Saliemin Khesa Ahmad

KOTA BHARU, 14 Julai - Seramai 1,086 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi tahun 2023 menerima Anugerah Insentif bernilai RM500 oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui pembelian cek cura.

Kesemua penerima adalah melibatkan 444 orang pelajar lelaki

dan 642 orang pelajar perempuan lepasan SPM dan STAM daripada sekolah di bawah kelolaan YIK, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Majlis Amanah Rakyat (MAR) serta sekolah-sekolah swasta di seluruh Kelantan.

Menurut Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan, Anugerah Insentif itu sentiasa diadakan saban tahun bagi meraikan pelajar-pelajar cemerlang sama ada yang belajar di dalam negeri maupun luar negeri.

Katanya, mereka yang terpilih merupakan pelajar-pelajar lepasan SPM yang mendapat sekurang-kurangnya 9A serta pelajar lepasan STAM yang mendapat Mumtaz.

“Kalau pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula adalah mereka yang mendapat 4A iaitu PNGK 4.0 yang memang dikira sebagai pelajar cemerlang. Yang pastinya, mereka ini adalah anak-anak Kelantan sama ada mereka ini belajar di negeri ini ataupun di luar negeri.”

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita juga memberikan kelebihan kepada pelajar dari negeri lain yang belajar di Kelantan dalam menerima Anugerah Insentif ini,” katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan 2023, di Dewan Besar YIK, Tun-jong, hari ini.

Sementara itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Wan Roslan Wan Hamat berkata, tiada kehadiran direkodkan daripada pelajar-pelajar cemerlang STPM 2023 pada majlis tersebut kerana keputusan peperiksaan itu masih belum keluar sepenuhnya.

“Anugerah ini adalah untuk kita hargai penat lelah anak-anak cemerlang ini dalam peperiksaan.

“Bagi pihak kerajaan negeri, kita sentiasa mengutamakan kecemerlangan dalam pendidikan kerana generasi cemerlang akan melahirkan pemimpin yang hebat dan boleh berbakti kepada negeri dan negara,” katanya.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukan sebanyak RM8,194,000 bagi Anugerah Insentif kepada pelajar cemerlang bermula tahun 2006 hingga tahun 2023 melibatkan 16,388 orang pelajar dari seluruh sekolah di Kelantan

SUSUN RAPI STRATEGI UNTUK PERJUANGAN ISLAM - YB WAN ROSLAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 Julai - Exco Pendidikan, YB Wan Roslan Wan Hamat mengingatkan bahanwa Allah SWT menyukai orang yang berjuang di jalan-Nya dalam keadaan tersusun rapi.

Menurut beliau, pejuang Islam bertanggungjawab merancang strategi pengurusan dan kepimpinan negeri secara sistematik.

“Apabila kita melihat kemandijadian barisan pelapis kepimpinan sekarang, kita perlu lebih banyak mencetuskan strategi penambahbaikan dari aspek tarbiyah diniah kepada golongan profesional.

“Contohnya, kejayaan pelajar Maahad Muhammadi Perempuan yang mengikuti aliran tafhib perintis, Siti Fatimah Mokhtar al-hafizah, yang telah berjaya melanjutan pelajaran ke Amerika Syarikat dan memimpin pelajar di sana.

“Inilah hasil usaha tarbiyah diniyah kepada profesional yang dirancang rapi,” ujarnya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-3 Persatuan Pegawai-pegawai Kontrak Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) di sebuah hotel di sini, hari ini.

Beliau juga menekankan pentingnya keyakinan terhadap bantu-

an Allah dalam setiap usaha murni yang dilakukan.

“Sekiranya kita tolong Allah, nescaya Allah akan bantu kita,” tegasnya kepada lebih 100 ahli mesyuarat tersebut.

YB Wan Roslan turut menasihati teraju PKPN agar sentiasa bermesyuarat untuk merancang dengan satu pemikiran dan satu tindakan yang wibawa.

“Dengan kesatuan idea dan gerak kerja itu, kita mampu menyusun batu-bata untuk membentuk sebuah bangunan yang kukuh,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap PKPN memainkan peranan aktif

dalam memudahkan pemimpin negeri membuat keputusan yang tepat demi maslahat dan kebajikan semua penjawat awam.

“Kita hanya mampu merancang, Allah yang menentukan masa depan kita dengan sebaik-baik perancangan-Nya,” ujar Ahli Dewan Negeri Pengkalan Kubor itu juga.

YB Wan Roslan juga mengingatkan tentang pentingnya hubungan ukhuwah yang Allah jalinkan, yang adakalanya lebih erat daripada silaturrahim darah-daging.

“Inilah yang boleh dijalankan melalui PKPN,” pesannya.



BERBANGGALAH MENJADI ANSARULLAH

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 17 Julai – Al-Quran mengarahkan mukmin untuk menjadi penolong Allah SWT (ansarullah) sebagaimana Isa ibnu Maryam berkata kepada para hawariyun yang diberikan Allah kemenangan kepada mereka yang beriman.

Sehubungan itu, Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan Dr. Nazmi Ghazali Azmi memetik surah as-Saf ayat 14 yang menerangkan prinsip pertama Pengurusan Ihtirafi iaitu “Hawariy” daripada lima prinsip yang perlu diamalkan oleh penjawat awam Kelantan.

Katanya, prinsip tersebut telah diterapkan pada era kepimpinan mantan Menteri Besar Ustaz Dato’ Bentara Kanan Ahmad Yakob.

“Pentingnya penjawat awam di Kelantan berbangga menjadi ansarullah yang merujuk kepada penolong Allah dalam perjuangan suci. Niat ikhlas dalam berkhidmat kepada rakyat adalah penting, tanpa ada sedikit pun niat untuk menyeleweng dana kerajaan.



“Bersifat sebagai orang yang menjunjung tinggi perjuangan suci adalah penting. Ansarullah merujuk kepada pendukung perjuangan Nabi Muhammad SAW, dan setiap zaman ada ansarullah,” jelas Penasihat PKPN itu.

Dr. Nazmi berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-3 Persatuan Pegawai-pegawai Kontrak Perkhidmatan Negeri Kelantan (PKPN) yang diadakan di sebuah hotel di sini, pada Selasa.

Majlis yang dihadiri lebih 100 ahli PKPN itu dirasmikan oleh Exco Pendidikan YB Wan Roslan

Wan Hamat dan turut dihadiri pen- garah urus setia kerajaan negeri.

Dalam ucapan yang sama, Pengurus Jawatankuasa Gerak Kerja dan Penjawat Urus setia-Urus Setia Negeri Kelantan (PENGGERAK) itu turut memuji saf kepimpinan PKPN atas usaha menganjurkan program berbentuk latihan dan kepimpinan untuk mencapai impian dan matlamat yang sama dengan aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan yang melestarikan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) melalui Penghayatan Mem- bangun Bersama Islam (PMBI)

pada era kepimpinan Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud. Menyambut baik seruan tersebut, Presiden PKPN Mustafa Azais menyatakan persatuan yang memperkuatkan ukhuwah sebagai teras kekuatan adalah kunci kepada kejayaan dan kestabilan membina satu matlamat yang besar iaitu kesatuan pemikiran dan kesatuan tindakan (wahdatul fikr wahdatul amal).

“Dalam sebuah organisasi yang besar dan keanggotaannya yang ramai apakah lagi dari latar belakang yang pelbagai, ia mestinya diurus dengan baik bagi mencapai matlamat organisasi dan berdasarkan kepada pendekatan yang telah ditetapkan,” ujarnya.

EKSPLORASI EMAS ALLUVIAL, PENGALAMAN BERMAIN TANAH BERSAMA KELSTONE

Oleh: Saliemin Khesa Ahmad dan Zaki Mustafa



Kelstone Sdn. Bhd. syarikat anak milikan penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang ditubuhkan pada 14 Februari 1996 untuk membangunkan industri berasaskan sumber mineral di Kelantan telah memulakan projek eksplorasi emas di kawasan Ladang Tapis Kuala Balah, Jeli sejak tiga tahun yang lalu.

Media Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) berpeluang merasai pengalaman mencari emas alluvial pada 23 Jun.

Menurut Pengurus Besar Kelstone, P. Geol Phakhruddin Abdullah yang juga merupakan ahli geologi profesional serta ahli Malaysian Chamber of Mine, eksplorasi kami bersamanya telah memasuki fasa kedua, iaitu sebelum ini beliau bersama pasukannya telah menjalankan kajian awalan untuk mengenalpasti kawasan berpotensi dan membuat unjuran lapisan deposit mineral bagi memulakan proses cari gali emas fasa ini. Kajian-kajian awalan ini bermula semenjak tiga tahun lepas.

“Penilaian awal yang kita buat adalah berdasarkan kepada kajian permukaan tanah (geomorphology) dan kita masih di peringkat awal dalam pembinaan sumber mineral emas bagi kawasan ini. Kerja kerja carigali ini akan berjalan selama tiga bulan dan kita bermula awal Jun 2024.

“Kita berterima kasih kepada PKINK kerana memberi bantuan (pinjaman kewangan) dan sokongan serta nasihat dalam menjayakan projek ini,” ujarnya.

Bagi projek eksplorasi ini dengan perbelanjaan yang sangat berhemah, Kelstone telah menyewa sebuah jentera jengkaut (case) untuk menggali kawasan yang dipercayai mengandungi emas dengan selang antara lubang pengorekan sejauh 50 meter.



Kerja-kerja eksplorasi galian sumber mineral menggunakan kaedah ‘diamond drilling’ bagi menghasilkan teras batuan berbentuk silinder belum dilaksanakan kerana ianya melibatkan kos yang tinggi. Sasaran cari gali menerusi kaedah ini adalah untuk melihat potensi mineral dalam batuan di kedalaman tertentu.

Disebabkan kosnya yang tinggi kerja-kerja explorasi kini hanya melibatkan lapisan alluvial sahaja.

Tanah yang digali jengkaut tadi diasangkan di antara lapisan atas dan bawah (yang berkemungkinan mengandungi emas). Sampel tanah yang diambil ditanda dan diletakkan ke dalam baldi dengan purata berat 25 kilogram diasangkan mengikut jenis lapisan tanah pada kedalaman tertentu.



Selesai di tapak menggali, kami dibawa ke pinggir anak sungai di bawah rimbunan pokok kelapa sawit untuk proses seterusnya. Dalam perjalanan ke situ kami singgah di satu laluan yang terdapat anak sungai. Pada tebingnya, jelas kelihatan lapisan dan struktur tanah alluvial yang mempunyai ciri-ciri tanah yang terkandung emas.

Projek eksplorasi ini melibatkan kawasan seluas 500 ekar daripada keseluruhan kawasan ladang seluas 3,000 ekar. Semasa, sebanyak 10 titik pengorekan dari 100 titik yang dirancang bagi kawasan kajian ini telah digali.

Proses seterusnya mendulang. Dimaklumkan sebelum ini proses mendulang dibuat secara tradisional menggunakan dulang kayu dan plastik yang mengambil masa yang lama serta dalam kuantiti yang sedikit untuk satu-satu masa.

Inisiatif terbaik, Kelstone telah menempah khusus dari Pahang sebuah mesin seperti pengisar simen yang dikenali sebagai ‘micro trommel screen’. Mesin ini direka khas untuk mengasingkan butiran pasir dengan emas dengan anggaran panjang butiran emas 1-2mm.



Mesin ini dilengkapi dengan penapis (sieve) yang terdiri daripada penapis besi dan karpet rumput sintetik. Mesin tersebut disambungkan dengan pam air yang menyedut dari anak sungai berhampiran bertujuan memecahkan ketulan tanah sekaligus memudahkan kerja mendulang atau mengayak emas.

Secara teorinya mengikut kaedah graviti, zarah emas yang lebih berat akan melepas bukaan penapis besi dan kemudiannya terperangkap pada karpet rumput. Mineral berat yang melepas tapisan besi dan terperangkap di atas karpet rumput tadi diasinkan dan diayak sekali lagi menggunakan dulang tradisional.



Proses ini dilakukan secara berulang dan teliti bagi setiap sampel tanah yang dikumpul.

Kami yang turut diberi peluang, cuba mendulang sehingga akhirnya berjaya menemui emas yang kelihatan sangat kecil dan halus seperti debu pasir namun sifat dan warna kekuningannya dapat dilihat secara jelas dengan mata kasar.

Ringkasnya, proses mencari emas ini sangatlah renyah; mengambil masa yang lama, mengerah tenaga dan perlukan ketelitian serta kesabaran. Paling mengujakan apabila diproses akhir mendulang, saat membelek dicelah-celeh hablur pasir dan kelihatan kilauan emas yang seakan nampak tak nampak. Apabila dikenalpasti itulah ‘habuk emas’, rasa letih dan bosan sekali gus bertukar dengan rasa syukur dan puas dengan penemuan galian berharga itu.

P.Geol Phakhruddin Abdullah amat yakin penemuan tapak emas di Landang Tapis ini sangat berpotensi dijadikan lombong.

“Kita mula merintis kawasan ini tiga tahun yang lepas untuk melihat potensi-potensi. Kita mulakan ‘stream sediment’ dalam fasa permulaan dan kita dapat potensi boleh dilombong agak tinggi di mana sampel-sampel yang kita ambil tu melebihi 0.3 gram per tan,” jelas Phakhruddin.

Tambah beliau untuk menjadikan sebuah lombong masih banyak proses perlu dilalui. Satu laporan terperinci akan dikeluarkan bagi menentukan berapa banyak kandungan emas yang ada dan kajian kebolehlaksanaan lombong emas. Fasa seterusnya, iaitu memohon PML dan kelulusan EIA untuk mendapat Sijil Kebenaran Melombong daripada Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan juga Jabatan Alam Sekitar.

“Perjalannya agak panjang lagi dan kita jangkakan pengeluaran emas pertama akan berlaku dalam tempoh tiga tahun ke depan.

Ketekunan dan kerja keras yang ditunjukkan kakitangan Kelstone Sdn. Bhd. bagi mencapai hasrat kerajaan dalam mencari sumber ekonomi baharu khususnya bidang galian dan mineral amat dihargai.

Kelstone sendiri sebagai syarikat yang amanahkan, telah mempunyai perancangan strategik untuk membangunkan industri perlombongan emas dan hiliran dengan mengambil kira kepentingan ekonomi dan kepakaran rakyat Kelantan.

“Kita mendapat mandat daripada ‘board’ untuk melihat potensi Kelstone sebagai pelombong untuk menjalankan lombong emas sendiri.”

Itulah iltizam yang menguatkan semangat P. Geol Phakhruddin Abdullah dan anak buahnya dari sehari ke sehari bermain dengan tanah mencari hasil untuk negeri. Usaha mereka sangat bernilai.



225 PELAJAR KELANTAN TERIMA SUMBANGAN DERMASISWA BERNILAI RM500

Oleh: Saliemin Khesa Ahmad

KOTA BHARU, 16 Julai - Seramai 225 orang pelajar cemerlang dari 14 buah parlimen menerima sumbangan bernali RM500 setiap orang melalui Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat (PURNAMA) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) serta Telekom Malaysia (TM).

Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata, tanggungjawab dalam memberikan rangsangan kewangan untuk kelestarian pendidikan ummah tidak hanya terletak kepada ibu bapa, malah juga melibatkan pihak Kerajaan Negeri terutamanya di Kelantan.

Katanya, usaha-usaha dari pelbagai pihak dalam memberikan sumbangan berupa kewangan kepada pelajar cemerlang amat diha-

rgai.

"Usaha-usaha sebegini adalah cukup besar. Tidak hanya kepada pembangunan institusi kekeluaran, malah juga kepada pembangunan tamadun ummah itu sendiri.

"Insya-Allah dengan kejayaan cemerlang yang diperoleh oleh kesemua pelajar ini kita dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai ekuensi yang teguh, sihat dan sejahtera," katanya pada Majlis Penyampaian Dermasiswa Purnama 2024, di sebuah hotel, hari ini.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan sangat komited dalam membina sebuah negara dan negeri yang mempunyai masyarakat yang berakhlik dan berilmu demi masa hadapan semua pihak.

Sementara itu, YDP PURNAMA, Datin Panglima Perang Datin Wan Norhanita Wan Yaakob berkata, jumlah pelajar yang menerima



ma Dermasiswa pada tahun 2023 adalah seramai 180 orang daripada 14 buah Parlimen.

Jelasnya, pihaknya meningkatkan bilangan pelajar yang terpilih kepada lima orang bagi setiap DUN menjadikan jumlah keseluruhan penerima tahun ini adalah 225

orang.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Rohani Ibrahim, Penasihat PURNAMA, Datin Bentara Kanan Siti Zabidah Abdul Hamid dan isteri-isteri wakil rakyat.

FENOMENA EASTERN & ORIENTAL EXPRESS BAKAL LONJAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN GUA MUSANG



Oleh: Norzana Razaly

GUA MUSANG, 15 Julai - Selepas fenomena Train to Dabong, kereta api Eastern & Oriental Express dari Singapura ke Merapoh pula bakal merancakkan industri pelancongan Gua Musang.

Kembara Wild Malaysia Journey tersebut bermula di Stesen Kereta api Woodlands - Gemas - Merapoh - Gemas - Butterworth - Woodlands.

Sehubungan itu, Ketua Jajahan Gua Musang, Nik Raisnan

Daud berkata, pihaknya sedang berunding dengan pihak Tourism Singapura agar melanjutkan perjalanan gerabak mewah tersebut ke Gua Musang yang hanya 15 minit perjalanan dari Merapoh.

"Bagi menjayakan lagi Tahun Melawat Kelantan 2024, kita akan bermesyuarat pada 23 Julai depan dengan pihak Tourism Singapura dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi mengadakan kerjasama membawa 40 pelancong yang mengikuti ekspedisi Wild

Malaysia (Taman Negara Sungai Relau) dengan Eastern & Oriental Express ke Gua Musang.

"Pelancong tersebut akan bera- da tiga jam di Gua Musang untuk mengikuti peta pelancongan ke 11 destinasi di Gua Musang bermula di Muse Ekopark yang dilengkapi komponen Masjid Buloh, Masjid Tengku Razaleigh dan stesen kereta api lama. Kemudian ke Gua Neon Taman Etnobotani (taman herba), Gua Neon Chiku 2, Taman Negara Kuala Koh dan Taman Tasik Gua Musang.


"Para pelancong juga akan dibawa ke Masjid Long Tan, Eco R&R Lojing Highlands, Taman Konservasi Rafflesia dan Tokong Mek Swee Nyet Keung di Kampung Pulai," jelasnya ketika ditemui di Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang pada Ahad.

Beliau juga memaklumkan pihaknya sedang merancang menyiapkan denai dari Taman Wangi ke persimpangan Kesedar Inn meren-

tasi Sungai Ketil sejauh tiga kilometer.

"Dana telah pun diluluskan melalui Ecological Fiscal Transfers (EFT) sebanyak RM2 juta oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula menyumbangkan RM500 ribu bagi menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai.

"Pengunjung tempatan dan luar negara boleh terus ke Gua Madu di Kampung Batu Papan yang sedang dinaik taraf. Lokasi ini hanya 1.5 kilometer dari bandar Gua Musang," katanya.



PROJEK HIDROELEKTRIK NENGGIRI: ORANG ASLI DIJADUALKAN PINDAH MAC 2026

Oleh: Zaki Mustafa

GUA MUSANG, 12 Julai – Projek Hidroelektrik Nenggiri yang telah dimulakan pembinaannya sejak Mac 2022 akan melibatkan pemindahan penduduk di tiga penempatan orang asli, iaitu di Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias. Lebih 1000 penduduk dari tiga kampung tersebut dijadual dipindahkan ke penempatan baharu pada Mac 2026.

Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Dr. Izani Husin dalam sesi lawatan kerja ke tapak projek berkenaan baru-baru ini menegaskan pihak kerajaan dan TNB telah mengambil kira aspek alam sekitar dan kepentingan masyarakat orang asli di situ.

“Dari segi pembinaan pula telah mengambil kira alam sekitar untuk ‘minimizekan’ kesan-kesan alam sekitar. Antara yang terkejarnya, sebahagian orang asli tapi TNB telah mengambil inisiatif untuk bina semula (perkampungan) orang asli dengan penempatan baharu orang asli dengan rumah (bagi setiap keluarga),” tegas Dr. Izani.

Dalam sesi taklimat lawatan kerja berkenaan, telah dimaklumkan kawasan perkampungan orang asli di Pos Tohoi yang akan ditenggelamkan melibatkan sebanyak 191 Ketua Isi rumah (KIR) atau



keluarga yang akan ditempatkan di penempatan baharu Plot B melibatkan kawasan seluas 1,337 ekar.

Manakala Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias melibatkan 93 KIR akan ditempatkan di Plot A seluas 720 ekar. Setiap KIR diberikan sebuah rumah tiga bilik dan tapak rumah seluas 0.5 ekar serta tapak dusun juga seluas 0.5 ekar. Mereka turut diberikan ladang getah seluas kira-kira 5.5 ekar yang telahpun mula ditanam.

Kawasan penempatan baharu ini turut dilengkapi kemudahan asas dan fasiliti awam seperti sekolah rendah, asrama, kuarters guru, dewan serbaguna, balai rawan, tadika, surau, lot kedai,

padang, taman permainan, gelanggang sepak takraw dan pelbagai lagi.

Pengurus Besar TNB Kelantan, Muhamad Azli Ab Rahim turut memaklumkan pihak TNB dalam proses akhir untuk menandatangi perjanjian pakej pampasan dan penempatan semula orang asli. Bayaran pampasan dan saguhati akan dibuat secara berperingkat, sementara logistik untuk proses perpindahan ditanggung oleh TNB sendiri.

Pihak TNB turut menawarkan eluan sara hidup bulanan untuk tempoh 48 bulan kepada setiap KIR orang asli sementara menunggu pokok getah matang.

“Bukan kata kita biarkan mereka (orang asli) tanpa (bantuan) dan selepas ini kita ada satu lagi komponen untuk kita ‘develop’ orang asli melalui perbincangan dengan pihak-pihak tertentu untuk kita bagi kemahiran kepada orang asli supaya kehidupan mereka lebih mampan,” ujar Azli.

Kerja-kerja penyediaan penempatan baharu yang melibatkan dua plot A dan B seluas 2057 ekar telah dilaksanakan oleh kontraktor lantikan TNB, Euro Saga–LLC Infra Consortium sejak Mac 2022 lagi. Setakat April 2024, kemajuan kerja telah mencapai 25 peratus dan dijangka siap pada Mac 2026.



KIAS, UNIVERSITI JINAN PERKASAKAN BAHASA, KEBUDAYAAN CHINA

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 16 Julai- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Universiti Jinan, Guangzhou China telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) akademik bagi memperkasa bahasa Mandarin dan kebudayaan China di Malaysia.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Wan Roslan Wan Hamat berkata, MoU di antara KIAS dan Universiti Jinan tersebut diharap dapat menghubungkan antara kebudayaan Melayu Kelantan dengan kebudayaan Guangzhou, China melalui kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang dalam bahasa Mandarin.

“Kita juga mengalu-alukan pihak Universiti Jinan untuk mendekati dan menghayati bahasa Melayu dan kebudayaan majmuk di negeri Kelantan yang unik yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, Siam dan lain-lain.”

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis menandatangani MoU akademik antara KIAS dengan Universiti Jinan, Guangzhou, China di Bilik Mesyuarat Pentadbiran KIAS pada Isnin.

Sementara itu, menurut Rek-



tor KIAS, Prof Emeritus AB Aziz Mohd Zin, MoU berkenaan bertujuan untuk memperkasaan pengajaran bahasa Mandarin dan kebudayaan Cina bagi peminat-peminat bahasa dan kebudayaan tersebut di negara ini.

“Bagi pengajaran bahasa Mandarin, orang awam yang lulus pengajaran bahasa Mandarin di Institut Bahasa Antarabangsa (IBA) KIAS akan ditawarkan menyambung pengajaran di Universiti Jinan selama paling kurang dua minggu.

“Di samping belajar, mereka juga akan dapat mengenali kebudayaan Cina dan mengikuti kursus-kursus jangka pendek dan jang-

ka panjang mengikut syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh KIAS dan Pusat Bahasa Mandarin di Universiti Jinan,” jelasnya.

Naib Canselor Universiti Jinan, Guangzhou China, Prof. Zhang Xiaoxin pula berkata, kerjasama di antara kedua-dua Institusi pengajaran tinggi itu akan memperkuatkan kerjasama pendidikan tinggi di antara China dan Malaysia.

“Kerjasama ini akan memperkuatkan kerjasama pendidikan tinggi dan latihan tenaga manusia di antara dua negara, China dan Malaysia. Ini akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi serantau.

“Semoga persahabatan China dan Malaysia kekal abadi. Diharapkan sistem pendidikan tinggi di Kelantan terus berkembang maju,” katanya.

Majlis menandatangani MoU tersebut diadakan secara atas talian. KIAS diwakili oleh Rektornya, Prof. Emeritus AB Aziz Mohd Zin dan disaksikan oleh YB Wan Roslan Wan Hamat, manakala Universiti Jinan pula diwakili Pengarah Kolej Bahasa Mandarin dan Kebudayaan Cina, Universiti Jinan, Prof. Hou Xingquan dan disaksikan oleh Naib Canselor Universiti Jinan, Prof. Zhang Xiaoxin.





PROJEK HIDROELEKTRIK NENGIRI:
ORANG ASLI DIJADUALKAN PINDAH
MAC 2026

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | MUHARAM 1446H | 14-18 JUL 2024

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

KELANTAN CADANGKAN JAMBATAN GUILLEMARD SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 14 Julai

- Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Exco Warisan dalam proses mencadangkan Jambatan Guillemand di Mukim Tebing Tinggi Sungai Kusial, Tanah Merah diiktiraf oleh Pertubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak sejarah warisan dunia.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan, YB Datuk Kamarudin Md Nor memaklumkan pihaknya sedang berusaha membawa cadangan tersebut kepada Jabatan Warisan Negara dalam masa terdekat.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Kelantan menyedari potensi tarikan pelancongan yang terdapat pada jambatan sepanjang 609.6 meter itu kerana faktor keutuhan seni bina, usia dan nilai sejarah yang ada pada jambatan kereta api terpanjang di Malaysia itu.

“Mercu tanda bagi jajahan Tanah Merah ini dibina pada tahun 1920 dan sehingga kini masih digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan menjadi tumpuan pelancong datang ke Kelantan.

“Untuk memulihara lokasi itu supaya terus terjaga, kerajaan negeri bekerjasama dengan pihak

KTMB dan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) untuk menaik taraf lokasi berkenaan.

“Selepas siapnya kerja menaik taraf dan bersempena ulang tahun 100 tahun jambatan itu pada Julai ini, Kelantan akan membuat permohonan menjadikan lokasi itu sebagai tapak sejarah warisan dunia.


Menurutnya lagi, jambatan kereta api itu genap berusia 100 tahun pada Julai ini dan wajar dipelihara dengan sebaik mungkin supaya ia tetap utuh untuk tatapan generasi akan datang.

“Jadi, untuk menaik taraf artifak sejarah Perang Dunia Kedua sebagai satu lokasi tarikan pelancongan di Kelantan, kita memerlukan kerjasama pelbagai pihak dan agensi termasuk Persekutuan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, kerja meningkatkan infrastruktur di sekitar jambatan giat dijalankan termasuk untuk sambutan 100 tahun usia jambatan itu.

“Jambatan itu siap dibina pada 1924 dan dimiliki Perbadanan Aset Keretapi. Bagi merealisasikan hasrat menjadikan sebagai tapak warisan dunia, ia perlu mendapat kerjasama dan kebenaran Perbadanan Aset Keretapi.

“Proses dinaik taraf sedang dibuat termasuk pembinaan pusat rekreasi, kawasan Rehat dan Rawat



(R&R) dan akan lebih mesra pengunjung termasuk kanak-kanak. Kerjasama antara kerajaan negeri, pihak KTMB dan MDTM diperlukan bagi memenuhi tanggungjawab menaik taraf lokasi strategik kerana jaraknya hanya 6 kilometer ke bandar Tanah Merah,” jelasnya.

Sempena Tahun Melawat Kelantan (TMK 2024) Kerajaan

Negeri Kelantan menganjurkan Larian Jambatan Guillemand pada 19 Julai bagi mempromosikan lokasi pelancongan itu supaya lebih dikenali.

“Kita harap program bertaraf antarabangsa ini akan memberi faktor lokasi ini menjadi tumpuan dan maju sekali gus dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk,” ujarnya.

